

Tingkatan 2 Bab 8: Kebangkitan Semangat Kebangsaan Untuk Mengangkat Martabat Bangsa

民族复兴的精神以为提升民族的尊严

8.1 Maksud Semangat Kebangsaan 民族精神的意思

1. Semangat kebangsaan atau nasionalisme bermaksud perasaan cinta dan taat setia yang mendalam terhadap bangsa dan tanah air.

爱国精神或则民族主义意味着对祖国和领土深深的爱和忠诚。

2. Nasionalisme mendorong kepada lahirnya keazaman untuk berjuang menebus maruah bangsa serta membentuk masa depan bangsa dan negara.

民族主义促进诞生出拼赎回民族尊严以及塑造民族和国家未来的决心。

3. Semangat cinta akan bangsa dan tanah air menyebabkan kita berjuang membentuk negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat dengan membebaskan tanah air daripada penjajahan British.

爱民族和国家的精神带领，导致我们抗争从英国殖民统治中解放国家并建立一个独立和主权的马来西亚。

8.2 Perkembangan Negara Luar Memberi Inspirasi Perjuangan 国外的发展激发人心的抗争

1. Gerakan kesedaran kebangsaan telah berlaku di Turki, Mesir, Jepun, China, Filipina, India dan Indonesia pada awal kurun ke-20.

在 20 世纪初，土耳其，埃及，日本，中国，菲律宾，印度和印尼发生民族意识运动。

2. Perkembangan tersebut telah memberi inspirasi kepada penduduk Tanah Melayu untuk menentang penjajahan British.

这些发展启发马来亚人民以对抗英国的统治。

3. Pada akhir kurun ke-19, berlaku gerakan kebangkitan Islam di Timur Tengah. Kebangkitan ini disebabkan kuasa-kuasa Barat telah memecahbelahkan dan menguasai empayar Islam Turki Uthmaniyah, sebuah kerajaan Islam yang besar ketika itu.

在 19 世纪末，中东发生回教复兴运动。这复兴运动的崛起是因为西方强国瓜分和统治回教帝国土耳其帝国，那就是当时一个很强大的回教国。

4. Kehadiran pengaruh Barat di Turki telah mencetuskan Gerakan Pan-Islam, iaitu gerakan untuk menyatukan seluruh umat Islam dan menentang penjajahan Barat.

西方势力在土耳其的存在引发的了泛伊斯兰（Pan-Islam）运动，那就是团结所有穆斯林和反对西方殖民主义的运动。

5. Gerakan tersebut telah mempengaruhi dan menyatukan umat Islam di negara-negara Timur Tengah, India, dan Asia Tenggara termasuk di Tanah Melayu untuk menentang penjajahan kuasa asing.

这项运动影响在中东，印度和东南亚地区国家包括马来半岛的穆斯林，以团结并抵抗外国的统治。

6. Perkembangan di Mesir turut mempengaruhi kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu. Penjajahan British di Mesir pada tahun 1882 telah mencetuskan Gerakan Islah yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh.

在埃及的发展，也助长马来亚民族主义的崛起。英国于 1882 年占领埃及触发由 Sayid Jamaluddin al-Afghani 和 Syeikh Muhammad Abduh 带领的伊斯拉（Islah）运动（Gerakan）。

7. Ciri-ciri Gerakan Islah 伊斯拉运动的特点

(a) Merujuk kepada gerakan pemulihan Islam, iaitu satu gerakan yang menyeru orang Islam kembali berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan hadis untuk mencapai kemajuan.

参照伊斯兰教复兴运动，那就是一个呼吁回教徒重新遵守以可兰经和穆罕默德言行录/圣训（hadis）为基础的回教教导的运动以取得进展。

(b) Gerakan ini juga menyeru umat Islam supaya bersatu menentang penjajahan Barat di negara Islam.

这项运动还呼吁回教徒团结起来反抗在回教国家的西方殖民主义。

(c) Idea perjuangan Gerakan Islam telah tersebar ke Tanah Melayu oleh pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Mesir, khususnya di Universiti al-Azhar di Kaheerah setelah mereka kembali ke tanah air.

伊斯兰运动抗争通过在埃及留学尤其是在开罗（Kaheerah）的爱资哈尔大学的马来学生返回家园后，流传到马来亚。

(d) Kesan gerakan tersebut telah mencetuskan semangat kebangsaan kepada tokoh tempatan di Tanah Melayu seperti Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin, Haji Abbas bin Muhammad Taha, dan Syed Sheikh Ahmad al-Hadi.

这项运动的结果触发马来亚当地领导人的民族主义比如 **Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin, Haji Abbas bin Muhammad Taha** 和 **Syed Sheikh Ahmad al-Hadi**。

(e) Pelopor Gerakan Islam di Tanah Melayu menggelarkan diri mereka Kaum Muda.

马来亚伊斯兰运动的先驱自称青年。

8. Perkembangan yang berlaku di negara Asia seperti peperangan Jepun dengan Rusia turut mempengaruhi kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

在亚洲国家的发展，如日本与俄罗斯之间的战争也影响民族主义在马来亚的崛起。

9. Dalam Perang Jepun-Rusia pada tahun 1905, negara Asia (Jepun) yang kecil berjaya mengalahkan kuasa Eropah (Rusia).

在 1905 年的日本-俄罗斯之战，亚洲小国家（日本）成功打败欧洲强国（俄罗斯）。

10. Kejayaan itu telah menyemarakkan lagi semangat negara-negara Asia untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah Barat.

这项成功助长了亚洲国家的精神，以从西方的殖民统治的爪牙中解放自己。

11. Di China, Dr. Sun Yat Sen, pemimpin Revolusi China telah berjaya menumbangkan kerajaan Manchu dan menubuhkan sebuah republik China pada tahun 1911. Kejayaan Revolusi ini membangkitkan kesedaran rakyat Tanah Melayu untuk menentang British.

在中国，中国革命的领导者，孙中山博士成功推翻满清政府，并于 1911 年建立中华联合共和国。这个革命的成功唤醒马来亚人民对抗英国的意识。

12. Di Filipina, Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina untuk memajukan orang Filipina serta menuntut supaya Sepanyol memberi layanan yang adil kepada orang Filipina.

在菲律宾，**Jose Rizal** 成立菲律宾联盟，以促进菲律宾人的进步以及要求西班牙给予菲律宾人公平的对待。

13. Di India, gerakan kesedaran kebangsaan pimpinan Mahatma Gandhi telah berjaya membebaskan India daripada penjajahan British.

在印度，民族意识运动的领袖圣雄甘地（**Mahatma Gandhi**）成功地从英国统治释放印度。

14. Di Indonesia, Parti Nasional Indonesia pimpinan Soekarno berjaya membebaskan Indonesia daripada penjajahan Belanda.

在印尼，印尼国家党领袖苏加诺（**Soekarno**）成功从荷兰殖民统治中释放印尼。

15. Perkembangan perjuangan di luar negara itu dapat diikuti oleh penduduk Tanah Melayu melalui kemajuan sistem perhubungan dan percetakan terutamanya surat khabar.

马来亚人可以遵循国外抗争的发展，是因为通过通讯和印刷系统的进步，尤其是报纸。

16. Kegigihan perjuangan rakyat di negara-negara tersebut telah menyemarakkan lagi semangat kebangsaan di kalangan penduduk Tanah Melayu.

这些国家的人民持续性地抗争助长了马来亚人的民族主义。

Mesej Focus 资讯焦点

Jose Rizal 何塞·黎刹

Soekarno 苏加诺

Mahatma Gandhi 圣雄甘地

Pemimpin tersebut berperanan menentang penjajahan kuasa Barat dan menuntut kemerdekaan.
这些领导者反抗西方殖民势力和要求独立。

8.3 Gerakan Islah Mencetuskan Kesedaran Kebangsaan 伊斯拉运动触发民族意识

1. Pada awal kurun ke-20, semangat kebangsaan di Tanah Melayu dibangkitkan oleh golongan pelajar Melayu yang menuntut di Timur Tengah khususnya di Universiti al-Azhar, Mesir.

在 20 世纪初，马来亚的民族主义由在中东尤其是在埃及爱资哈尔大学深造的马来学生激发。

2. Semasa menuntut, mereka terpengaruh dengan idea gerakan pemulihan Islam yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh.

当在深造时，他们是被 **Sayid Jamaluddin al-Afghani** 和 **Syeikh Muhammad Abduh** 带领的回教复兴运动的想法影响。

3. Sekembalinya ke tanah air, mereka memulakan Gerakan Islah di Tanah Melayu dan menggelarkan diri mereka Kaum Muda.

当他们回到祖国，他们在马来亚开始伊斯拉运动并自称年轻人。

4. Pelopor Gerakan Islah di Tanah Melayu

马来亚伊斯拉运动的先驱

(a) Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin

(i) Dilahirkan di Sumatera pada tahun 1869.

于 1869 年出生在苏门答腊岛。

(ii) Mendapat pendidikan di Makkah dan Universiti al-Azhar, Mesir.

他曾在麦加和埃及 **Al-Azhar** 大学求学。

(iii) Menerbitkan majalah **Al-Imam**.

出版 **Al-Imam** 杂志。

(iv) Pernah dilantik sebagai mufti Negeri Perak.

曾被任命为霹靂州的回教顾问。

(b) Haji Abbas bin Muhammad Taha

(i) Dilahirkan di Singapura pada tahun 1885.

于 1885 年出生在新加坡。

(ii) Mendapat pendidikan di Makkah.

他曾在麦加求学。

(iii) Pernah dilantik sebagai kadi di Tanjung Pagar, Singapura.

曾被任命为新加坡的 **Tanjung Pagar** 的回教婚姻主持人。

(iv) Menerbitkan akhbar **Neracha**.

出版 **Neracha** 报纸。

(c) Syed Syeikh Ahmad al-Hadi

(i) Dilahirkan di Melaka pada tahun 1862.

于 1862 年出生于在马六甲。

(ii) Mendapat pendidikan agama di Terengganu dan Pulau Penyengat, Riau.

在登嘉楼和 **Riau** 的 **Penyengat** 岛接受宗教教育。

(iii) Sering berkunjung ke Makkah dan Mesir.

经常去麦加和埃及。

(iv) Mendalami idea perjuangan Syeikh Muhammad Abduh.

探索 **Syeikh Muhammad Abduh** 抗争的想法。

(v) Menerbitkan akhbar Al-Ikhwan dan Saudara.

出版 **Al-Ikhwan** 和 **Saudara** 报纸。

(vi) Mengarang novel Hikayat Faridah Hanum.

创作小说 “**Faridah Hanum** 的传奇”。

5. Idea pembaharuan Kaum Muda disebarikan melalui akhbar Al-Imam dan memberi kesan yang besar dalam perkembangan pemikiran orang Melayu.

年轻人的改革构思通过 **Al-Imam** 报纸传播，并给马来人的思想发展带来重大的影响。

6. Antara saranan Al-Imam ialah:

Al-Imam 的建议有：

(a) Menyeru orang Melayu berpegang kepada ajaran al-Quran dan hadis.

呼吁马来人遵守可兰经和穆罕默德言行录/圣训 (**hadis**) 的教导。

(b) Menekankan kepentingan ilmu pengetahuan untuk mencapai kemajuan.

强调知识对进步的重要性。

(c) Menitikberatkan pengetahuan sejarah untuk mendapat semangat dan iktibar.

注重历史的知识以获得精神与教训。

(d) Menasihati ibu bapa supaya memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka.

劝告家长给予他们的孩子完整的教育。

(e) Menggesa kaum wanita diberi peluang mendapatkan pendidikan.

敦促女性有接受教育的机会。

(f) Mengetepikan adat resam dan kepercayaan karut yang boleh menghalang kemajuan orang Melayu.

抛开阻止马来人进步的无稽之谈的风俗和信仰。

7. Melalui penerbitan Al-Imam, orang Melayu mulai sedar akan kepentingan pendidikan dan ekonomi mereka.

通过 **Al-Imam** 的发行，马来人开始意识到教育和经济的重要性。

8. Majalah Al-Imam dihentikan pada tahun 1908 tetapi semangat dan cita-cita yang diperjuangkannya diteruskan oleh akhbar lain seperti:

Al-Imam 杂志于 **1908** 年停刊，但它主张精神和理想通过其他报纸，延续着，如：

(a) Neracha

(b) Al-Ikhwan

(c) Pengasuh

(d) Saudara

9. Kaum Muda mendirikan beberapa madrasah untuk menyebarkan idea perjuangan mereka seperti:

年轻人创办几间宗教学校以传播他们的抗争思想，比如：

(a) Madrasah al-Masyhur al-Islamiah di Pulau Pinang.

檳城的 **al-Masyhur al-Islamiah** 回教学院。

(b) Madrasah al-Assyariff, Gunung Semanggol, Perak.

霹靂州，**Gunung Semanggol** 的 **al-Assyariff** 回教学院。

10. Idea pembaharuan Kaum Muda ditentang oleh Kaum Tua yang terdiri daripada golongan ulama dan pegawai agama yang berpegang kuat kepada adat dan agama Islam.

年轻人的改革思想被老年者反对，他们是坚守传统风俗和回教的神职人员和宗教官员。

11. Kaum Tua menerbitkan akhbar Suara Benar dan Lidah Benar untuk menentang idea Kaum Muda.

老年者出版真实的声音（**Suara Benar**）和真话（**Lidah Benar**）报章以反对年轻人的思想。

12. Walaupun terdapat perbezaan pendirian antara Kaum Muda dengan Kaum Tua, namun pertelingkahan di antara mereka hanyalah perkara kecil yang tidak melibatkan perkara pokok dalam agama Islam.

虽然年轻人和老年者的立场不同，但他们之间的纠纷只是不涉及回教的核心的小事。

Mesej Focus 资讯焦点

Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

Akhbar Al-Imam diterbitkan di Singapura pada tahun 1906. Al-Imam bermaksud pemimpin. Tujuan penerbitannya ialah: "... mengingatkan mereka yang lalai dan menagakan mereka yang tidur dan menunjukkan mereka yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebaikan ..."

于 1906 年在新加坡出版的 **Al-Imam** 报章。**Al-Imam** 的意思是领导者。该出版的宗旨是：“.....提醒健忘的他们，唤起沉睡的他们，并指点迷途的他们，并用善意提供呼吁的声音.....”

8.4 Intelektual Mematangkan Perjuangan 知识分子把抗争成熟化

1. Gerakan Islah telah menimbulkan kesedaran di kalangan intelektual Melayu.

伊斯拉运动唤醒知识分子的意识。

2. Pada tahun 1930-an, golongan ini telah menyemarakkan kesedaran semangat kebangsaan.

1930 年，这群人煽动民族主义意识。

3. Golongan intelektual berpendidikan Melayu merupakan lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Mereka terdiri daripada guru-guru Melayu yang memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat dan menyemarakkan semangat kebangsaan.

受马来教育的知识分子是苏丹伊德里斯师训学院（**MPSI**）的毕业生。他们是由发挥社区领袖和煽动民族精神的马来老师组成的。

4. MPSI disifatkan sebagai The Cradle of Malay Nationalism oleh Y.A.B Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (1971 - 1976) semasa merasmikan Jubli Emas MPSI pada tahun 1973.

于 1973 年开幕五十周年纪念时，**MPSI** 被 **Y.A.B Tun Abdul Razak**，马来西亚首相（1971 年至 1976 年）视为马来民族主义的发源地。

5. Tokoh intelektual berpendidikan Melayu

受马来教育的知识分子

(a) Harun Aminurrashid

(i) Seorang guru dan penulis yang aktif.

一个教师和活跃的作家。

(ii) Tokoh pejuang kebangsaan lepasan MPSI.

毕业于 **MPSI** 的民族主义人物。

(iii) Aktif mempelopori penulisan puisi bertemakan semangat kebangsaan.

积极带头创作以民族主义为主题的诗歌。

(b) Ibrahim Haji Yaacob

(i) Dilahirkan di Temerloh, Pahang pada tahun 1911.

于 1911 年出生在彭亨州的 **Temerloh**。

(ii) Pernah menjadi pengarang akhbar Majlis dan Warta Malaya.

曾经是 **Majlis** 和 **Warta Malaya** 报章的编辑。

(iii) Menubuhkan KMM untuk menyatupadukan persatuan Melayu dari negeri-negeri lain.

成立 **KMM** 以团结其他州的马来协会。

(c) Abdul Hadi Hasan

(i) Pensyarah MPSI yang sentiasa menanamkan semangat nasionalisme kepada pelajarinya.

MPSI 讲师，常常给他的学生灌输民族主义的精神。

6. Sumbangan intelektual berpendidikan Melayu:

受马来教育的知识分子的贡献:

(a) Berganding bahu dengan golongan cerdik pandai agama bagi menyumbangkan tenaga dan fikiran untuk memajukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

与宗教知识分子通力合作，贡献自己的精力和想法，以促进马来人在经济和教育领域的进步。

(b) Usaha ini telah menimbulkan kesedaran untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

这些努力成功提高人们的意识，以从英国的殖民统治释放马来亚。

7. Golongan intelektual berpendidikan Inggeris turut memainkan peranan dalam perjuangan dan kebangkitan semangat kebangsaan tanah air.

受英文教育的知识分子也在抗争和兴起民族主义中发挥作用。

受英文教育的知识分子也在抗争和兴起民族主义中发挥作用。

8. Tokoh intelektual berpendidikan Inggeris

受英文教育的知识分子

(a) Raja Chulan

(i) Mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar.

他曾就读于 **Kuala Kangsar** 马来学院。

(ii) Dilantik menjadi Ahli Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1924.

于 **1924** 年被委任为联邦立法会的成员。

(iii) Beliau menggesa kerajaan British meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dan menambah peluang untuk mereka menceburi bidang perkhidmatan awam.

他敦促英国政府提高马来人的经济地位和增加他们进入公共服务（做政府工）的机会。

(b) Mohammad Eunos Abdullah

(i) Mendapat pendidikan Inggeris di Raffles Institution, Singapura.

在新加坡的莱佛士学院接受英语教育。

(ii) Beliau merupakan orang Melayu pertama yang dilantik sebagai Ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat.

他第一个被委任为海峡殖民地立法会成员的马来人。

(iii) Pernah bertugas sebagai ketua pengarang akhbar Utusan Melayu dan Lembaga Melayu.

曾担任 **Utusan Melayu** 和 **Lembaga Melayu** 报章的总编辑。

(iv) Pada tahun 1926, beliau menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (KMS).

于 **1926** 年，他成立新加坡马来人联盟（**KMS**）。

(c) Dato' Onn bin Jaafar

(i) Mendapat pendidikan Inggeris di England dan di Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Kuala Kangsar 马来学院和英国接受英文教育。

(ii) Pernah menjadi pengarang akhbar Warta Malaya, Lembaga Malaya, dan Warta Ahad.

曾担任 **Warta Malaya**, **Lembaga Malaya** 和 **Warta Ahad** 的编辑。

(iii) Dilantik menjadi Ahli Tidak Rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor pada tahun 1936.

于 1936 年，被委任为柔佛州的国务委员会的非正式成员。

9. Sumbangan intelektual berpendidikan Inggeris

受英文教育的知识分子的贡献：

(a) Menggunakan peluang yang ada dalam sistem pentadbiran dan perundangan untuk menuntut hak orang Melayu dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan pentadbiran.

利用在行政和法律制度现有的机会，以追求马来人在经济，教育和管理领域的权益。

(b) Menubuhkan persatuan dan menggunakan bidang penulisan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

成立协会与利用写作为马来人的利益而奋斗。

8.5 Perjuangan Nasionalisme Melalui Mata Pena 民族主义通过笔奋斗

1. Akhbar dan majalah merupakan media yang rapat dengan rakyat.

报纸和杂志是接近人民的媒体。

2. Oleh itu, akhbar dan majalah sesuai dijadikan saluran bagi nasionalis melahirkan semangat kebangsaan.

因此，报纸和杂志适合作为传递民族主义的管道。

3. Melalui akhbar dan majalah, idea tentang perjuangan kebangsaan dapat disalurkan untuk bacaan semua lapisan masyarakat.

通过报纸和杂志，民族主义的想法可以传递给各阶层社会阅读。

8.5.1 Peranan Akhbar dan Majalah Melayu 马来报纸和杂志的作用

1. Pada tahun 1930-an, akhbar Melayu telah membangkitkan isu kedudukan sosioekonomi dan politik orang Melayu.

1930 年，马来报纸提出马来人的社会，经济和政治地位的话题。

2. Antara akhbar yang berpengaruh pada masa itu ialah Warta Malaya, Majlis, dan Utusan Melayu.

是马来亚当时有影响力的报纸是新闻报（Warta Malaya），理事会（Majlis）和马来前锋报（Utusan Melayu）。

3. Akhbar tersebut telah berjaya menyemai semangat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Melayu.

这些报章成功在马来社群灌输民族主义。

4. Melalui akhbar dan majalah, orang Melayu telah menubuhkan persatuan untuk merintis pergerakan nasionalisme yang lebih tersusun.

通过报纸，杂志，马来人建立协会以带动更有条理的民族主义运动。

5. Peranan akhbar dalam membangkitkan semangat kebangsaan

马来报纸和杂志唤起民族主义的作用

(a) Mengkritik dasar British yang tidak menguntungkan orang Melayu.

批评英国不利于马来人的政策。

(b) Menyeru orang Melayu bersatu dan menghapuskan semangat kenegerian.

对马来人呼吁团结，并消除地方主义的精神。

(c) Menuntut kedudukan orang Melayu yang lebih baik dalam bidang pentadbiran, ekonomi, dan pendidikan.

要求马来人有比较好的行政，经济，教育地位。

6. Akhbar dan majalah yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua

二战之前出版的报纸和杂志

Tarikh 日期	Akhbar/ Majalah 报章/杂志	Tempat Terbit 出版地点
1914 -1931	Lembaga Melayu	Singapura

1918 -1941	Pengasuh	Kota Bharu, Kelantan
1924 -1941	Majalah Guru	Kuala Lumpur / Pulau Pinang
1926-1931	Al-Ikhwan	Pulau Pinang
1928 -1941	Saudara	Pulau Pinang
1930 -1941	Warta Malaya	Singapura
1930	Fajar Sarawak	Sarawak
1931 -1941	Majlis	Kuala Lumpur
1939 - 1941	Utusan Melayu	Singapura

8.5.2 Antara Akhbar yang Berpengaruh Sebelum Perang Dunia Kedua 二战之前有影响力的报纸和杂志

1. Warta Malaya 马来亚新闻报

(a) Diterbitkan di Singapura pada tahun 1930.

于 1930 年在新加坡出版。

(b) Pengarang yang pertama ialah Dato' Onn bin Jaafar.

第一个编辑是 **Dato' Onn bin Jaafar**。

(c) Menyiarkan perkara yang berkaitan keadaan sosioekonomi orang Melayu.

发布有关马来人的社会经济状况的事情。

(d) Mendesak supaya orang Melayu diberi lebih banyak jawatan penting dalam perkhidmatan kerajaan.

敦促以使在政府服务里，马来人被给予比较多的重要岗位。

2. Majlis 理事会

(a) Diterbitkan di Kuala Lumpur pada tahun 1931.

于 1931 年在吉隆坡出版。

(b) Pengarangnya yang pertama ialah Abdul Rahim Kajai yang digelar sebagai Bapa Kewartawanan Melayu. Beliau juga menjadi Ketua Pengarang akhbar yang berpengaruh seperti Warta Malaya dan Utusan Melayu.

第一个编辑是被称为马来新闻之父的 **Abdul Rahim Kajai**。他也成为有影响力的报纸比如马来亚新闻报 (**Warta Malaya**) 和马来前锋报 (**Utusan Melayu**) 的总编。

(c) Antara akhbar Melayu yang berani mendedahkan kelemahan dasar British yang mengancam kedudukan orang Melayu.

其中一份马来报纸敢揭露英国会威胁到马来人的地位的政策弱点。

3. Utusan Melayu 马来前锋报

(a) Diterbitkan di Singapura pada tahun 1939.

于 1939 年在新加坡出版。

(b) Pengarangnya yang pertama ialah Abdul Rahim Kajai.

第一个编辑是 **Abdul Rahim Kajai**。

(c) Menggesa orang Melayu meningkatkan taraf ekonomi dan menubuhkan persatuan bagi memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

促请马来人改善经济水平并成立协会以为马来人的利益而奋斗。

8.5.3 Kegiatan Persuratkhabaran di Kalangan Orang Cina dan Orang India 华人和印度人的新闻活动

1. Sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina dan India di Tanah Melayu juga menerbitkan akhbar mereka sendiri.

第二次世界大战之前，在马来亚的华人和印度人还出版自己的报纸。

Akhbar masyarakat Cina 华人报纸	Akhbar masyarakat India 印度报纸
Lat Pau 叻报	Ulaga Nesan
Nanyang Siang Pau 南洋商报	Tamil Nesan
Sin Chew Jit Poh 星洲日报	Tamil Murasu
Modern Daily News 现代日报	

2. Ciri-ciri akhbar Cina dan India 华人报纸和印度报纸的特点

(a) Melaporkan berita tentang kegiatan sosial dan ekonomi kaum mereka di Tanah Melayu.

报道有关他们在马来亚的社会和经济活动的新闻。

(b) Menyiarkan peristiwa yang berlaku di Negara China dan India.

刊登在中国和印度发生的事情。

3. Masyarakat Cina Peranakan dan Jawi Peranakan juga menerbitkan akhbar berbahasa Melayu.

土生华人和土生印度人也出版马来文报纸。

Cina Peranakan 土生华人	Jawi Peranakan 土生印度人
Dikenali sebagai masyarakat Baba dan Nyonya. 被称为巴巴娘惹。	Merujuk kepada masyarakat kacukan India-Melayu. 是指印度和马来混血儿。
Terbentuk hasil perkahwinan antara perantau Cina dengan penduduk bumiputera di Kepulauan Melayu. 中国移民和马来群岛的原居民通婚形成的结果。	Terbentuk hasil daripada perkahwinan saudagar India dengan wanita Melayu tempatan. 印度商人和当地马来妇女通婚形成的结果。

4. Masyarakat Cina Peranakan menerbitkan akhbar seperti:

土生华人刊登的报纸如下:

(a) Surat Khabar Peranakan 土生华人报纸

(b) Bintang Timor 东星

(c) Khabar Ucapan Baru 新的语音报纸

(d) Bintang Pranakan 土生华人之星

5. Bintang Timor mula diterbitkan pada tahun 1894 merupakan satu-satunya akhbar bahasa Melayu yang berani melaporkan berita pemberontakan Dato' Bahaman di Pahang.

东星于 1894 年首次出版，是唯一敢报道 Dato' Bahaman 在彭亨州反抗新闻的马来文报纸。

6. Bintang Pranakan diterbitkan pada tahun 1930 membincangkan hal ehwal masyarakat Cina Peranakan yang menunjukkan taat setia kepada British sebagai pemerintah di Tanah Melayu.

土生华人之星于 1930 年出版，讨论向英国政府表现忠诚的土生华人在马来亚的事务。

7. Masyarakat Jawi Peranakan pula menerbitkan akhbar seperti:

土生印度人刊登的报纸，如:

(a) Jawi Peranakan

(b) Sekola Melayu 马来学校

(c) Taman Pengetahuan 知识园

(d) Tanjung Penagri

8. Sekola Melayu diterbitkan pada tahun 1888 dan menjadi bahan rujukan di sekolah Melayu. Akhbar ini banyak menanam semangat suka belajar dalam kalangan murid-murid ketika itu.

马来学校于 1888 年刊登，并成为在马来学校的参考物。这报章新闻灌输当时的学生很多爱学习的精神。

9. Ciri-ciri akhbar keluaran masyarakat peranakan

土生社群报章的特点

(a) Memberi tumpuan terhadap berita hal ehwal dan masyarakat peranakan.

重点土生社群事务的新闻。

(b) Menyiarkan berita ringkas tentang peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar negara.

简短地报道有关发生在国内和国外的新闻。

8.5.4 Kesedaran Kebangsaan Melalui Penulisan Kreatif 通过创意写作唤醒民族意识

1. Semangat kebangsaan turut dibangkitkan melalui karya kreatif seperti puisi, novel, dan cerpen.

还通过创意作品，比如诗歌，小说和短篇小说以提高民族主义。

2. Mereka yang memainkan peranan terdiri daripada golongan guru, penulis, dan wartawan.

发挥功效的是由教师，作家和记者的组成的。

3. Mereka menjadikan karya kreatif sebagai saluran untuk membangkitkan semangat nasionalisme.

他们将创意作品作为，以提高民族主义的管道。

4. Sebelum Perang Dunia Kedua, hasil karya kreatif disiarkan dalam akhbar dan majalah.

第二次世界大战前，创意作品将被报纸和杂志刊登。

5. Tujuan penghasilan puisi yang bertemakan semangat kebangsaan ialah:

创作以民族主义为主题的诗的目的是：

(a) Menyuburkan perasaan cinta akan bangsa dan negara.

培养爱民族和祖国的感觉。

(b) Menyeru orang Melayu merebut peluang ekonomi.

呼吁马来人要抓住经济机会。

(c) Mempertahankan maruah bangsa.

捍卫民族的荣誉。

6. Puisi yang membawa tema semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua:

二战前以民族主义为主题的诗：

Judul puisi 诗的题目	Penulis 作者
Tenaga Kaumku Rayuan Bangsa Mu Mempertahankan Hak Kita Perwira Melayu	Harun Aminurrashid
Serunai Pujangga Kapal Tiada Nakhoda Hari Kejatuhan Kita	Abdul Samad Ahmad
Dunia Yang Fana Di Lautan Seberang	Muhammad Yusuf Harun
Bangkitlah	Omar Mustaffa
Seruan Kebangsaan	Melati Pahang
Sedarlah	Mahmud Ahmadi
Di Tengah Segara	Muhammad Yasin Maamor

7. Novel dan cerpen dihasilkan untuk membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan pembaca.

创作的小说和短篇故事以唤起读者的民族主义精神。

8. Karya-karya ini bertemakan semangat perjuangan, nasib bangsa, dan semangat cinta akan tanah air telah menimbulkan kesedaran di kalangan orang Melayu.

这些作品以奋斗精神，民族的命运和爱国的精神为主题，以唤醒马来人的民族精神意识。

9. Antara penulis cerpen yang terkenal ialah Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, dan Shamsuddin Salleh.

其中著名的短篇故事家是 **Abdul Rahim Kajai**， **Ishak Haji Muhammad** 和 **Shamsuddin Salleh**。

Maklumat 资料	
Abdul Samad Ahmad	Penulis yang aktif menghasilkan puisi bertemakan semangat kebangsaan. 积极制作以民族精神为主题的诗的作者。
Ishak Haji Muhammad	Dikenali sebagai Pak Sako. 被称为 Pak Sako . Merupakan wartawan yang giat menghasilkan novel dan cerpen untuk membela nasib bangsa dan mengkritik dasar British. 积极创作小说和短篇故事以捍卫民族的命运并批评英国的政策。
Abdul Kadir Adabi	Merupakan perintis kegiatan penulisan novel di Kelantan. 吉兰丹小说创作活动的先驱。

10. Novel yang membangkitkan semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia Kedua:

第二次世界大战之前唤起民族主义的小说:

Judul 书名	Pengarang 作者
Hikayat Faridah Hanum lakah Salmah?	Syed Sheikh al-Hadi
Melor Kuala Lumpur	Ahmad Rashid Talu
Putera Gunung Tahan	Harun Aminurrashid
Anak Mat Lela Gila	Ishak Haji Muhammad
Mari Kita Berjuang	Abdullah Sidek
Melati Kota Bharu	Abdul Kadir Adabi

11. Cerpen yang membangkitkan semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia:

第二次世界大战之前唤起民族主义的短篇故事:

Judul 书名	Pengarang 作者
Cerita Awang Putat	Abdul Rahim Kajai
Rumah Besar Tiang Sebatang	Ishak Haji Muhammad
Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang Siasat Yang Tiada Diminta	Shamsuddin Salleh

Mesej Focus 资讯焦点

Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako merupakan penulis novel dan cerpen yang terkenal di Malaysia.

Ishak Haji Muhammad 或则 **Pak Sako** 是马来西亚著名的小说家和短篇故事家。

8.6 Kesepakatan Menjamin Keutuhan Perjuangan 合谋确保抗争的完整性

1. Pertubuhan memainkan peranan penting dalam gerakan kesedaran kebangsaan.

组织在民族主义意识运动中发挥重要的功效。

2. Pertubuhan awal bersifat kenegerian dan memperjuangkan kepentingan ekonomi dan sosial.

早期的组织是当地性质并争取经济和社会利益。

3. Walau bagaimanapun, pertubuhan telah menjadi pendorong kepada kemunculan pertubuhan yang bersifat kebangsaan.

虽然如此，组织推动全国性的组织出现。

4. Kesepakatan dalam pertubuhan telah memperkukuhkan kesedaran semangat kebangsaan di negara kita.

组织的协议巩固我国的民族意识的精神。

8. 6. 1. Kemunculan Pertubuhan Melayu 马来组织的出现

1. Golongan wartawan dan akhbar berjaya menimbulkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu.

记者和报章成功激发马来人之间的政治意识。

2. Kesedaran ini mendorong orang Melayu menubuhkan pertubuhan untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.

这意识促使马来人成立组织以争取他们的权利和利益。

3. Pada tahun 1926, Mohammad Eunos Abdullah menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (KMS).

于 1926 年，Mohammad Eunos Abdullah 成立新加坡马来联盟（KMS）。

4. Tujuan KMS ditubuhkan

KMS 被成立的目的

(a) Menggalakkan ahlinya memainkan peranan lebih aktif dalam politik dan pentadbiran.

鼓励它的成员更积极在政治和行政发挥。

(b) Memperjuangkan kemajuan orang Melayu dalam bidang pendidikan.

争取马来人在教育领域中的发展。

(c) Menjadi perantara dalam hubungan antara penduduk Melayu Singapura dengan British.

成为新加坡马来人与英国之间的桥梁（中间人）。

5. KMS dianggotai oleh golongan bangsawan, kakitangan kerajaan, wartawan, dan peniaga Melayu.

KMS 由贵族，公务员，记者，和马来商人参与。

6. KMS telah menjadi perangsang kepada pemimpin di negeri-negeri Melayu untuk menubuhkan persatuan bagi memperjuangkan kepentingan orang Melayu di negeri masing-masing.

KMS 对马来州领袖有刺激作用以成立协会争取各州马来人的利益。

7. Menjelang akhir tahun 1930-an, banyak persatuan Melayu yang bersifat kenegerian telah ditubuhkan.

直到 1930 年代末，有很多当地性质的马来协会被成立。

Tahun 年	Penubuhan 组织
1937	Persatuan Melayu Perak 霹靂州马来人协会, Persatuan Melayu Melaka 马六甲马来人协会, dan Persatuan Melayu Pulau Pinang 檳城马来人协会
1938	Persatuan Melayu Pahang 彭亨马来人协会, Persatuan Melayu Selangor 雪兰莪马来人协会, dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan 森美兰马来人协会.
1939	Persatuan Melayu Kelantan 吉兰丹马来人协会, Persatuan Melayu Sarawak 砂劳越马来人协会, dan Persatuan Melayu Johor 柔佛马来人协会

8. Ciri-ciri persatuan Melayu 马来人协会的特点

(a) Perjuangan bersifat sederhana.

温和地抗争。

(b) Bertujuan meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu.

目的是为了提高马来人的经济和社会地位。

(c) Dianggotai oleh cerdik pandai Melayu yang berpendidikan Inggeris dan mereka yang sedang berkhidmat dengan kerajaan British.

由受英文教育的知识分子和在英国政府的工作人员参与。

(d) Ahli-ahlinya menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja-raja Melayu.

它的成员们表现对马来王者坚定的忠诚。

(e) Menjalinkan kerjasama dengan kerajaan British.

与英国政府合作。

(f) Mendesak kerajaan British supaya memberikan lebih banyak peluang pentadbiran kepada orang Melayu.

敦促英国政府以便给予马来人更多地行政机会。

9. Pada tahun 1939, Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor telah menganjurkan Kongres Melayu Se-Tanah Melayu yang pertama di Kuala Lumpur.

于 1939 年，新加坡马来联盟（**Kesatuan Melayu Singapura**）和雪兰莪马来人协会在吉隆坡举办第一个一马来亚（**Se-Tanah Melayu**）马来大会。

10. Tujuan kongres ini diadakan adalah untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan dalam kalangan orang Melayu.

这次大会的目的是为了打造马来人之间的民族团结。

11. Kongres ini telah berjaya menghimpunkan perwakilan daripada semua persatuan Melayu untuk membincangkan kemajuan bangsa Melayu.

这次大会已经聚集了所有马来协会的代表以讨论马来人的进展。

12. Kongres Melayu yang kedua diadakan di Singapura pada tahun 1940 dan berjaya menarik lebih banyak penyertaan daripada persatuan-persatuan Melayu termasuk persatuan Melayu dari Sarawak dan Brunei.

第二次马来大会于 1940 年在新加坡举办，并成功吸引更多马来协会参加包括来自砂劳越和汶莱的马来协会。

13. Kongres ini menyarankan supaya semua persatuan Melayu bekerja keras bagi memajukan orang Melayu di negeri masing-masing.

这次大会呼吁以便全部的马来协会更苦干以发展在各个州的马来人。

14. Kongres Melayu ketiga tidak dapat diadakan kerana Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941.

第三次马来大会无法举办因为日本于 1941 年占领马来亚。

8.6.2 Persaudaraan Sahabat Pena 笔友朋友

1. Pada tahun 1934, Persaudaraan Sahabat Pena Malaysia (PASPAM) telah ditubuhkan untuk mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan orang Melayu.

1934 年，成立马来西亚笔友朋友（**PASPAM**）以巩固马来人之间的团结精神。

2. PASPAM dikendalikan oleh akhbar Saudara yang menyediakan ruangan untuk ahlinya menulis dan mengemukakan pendapat.

PASPAM 被 **Saudara** 报章推出，以腾出空间为它的成员书写和发表意见。

3. PASPAM menggunakan cogan kata "Hidup Bahasa Hiduplah Bangsa".

PASPAM 使用口号“语言活着，民族就活着”。

4. PASPAM menggalakkan ahli-ahlinya dari Tanah Melayu, Singapura, Sabah, dan Sarawak bertukar-tukar pendapat untuk meningkatkan semangat dan kesedaran kebangsaan dalam kalangan mereka.

PASPAM 鼓励它来自马来亚，新加坡，沙巴和砂劳越的成员互相交换意见，以提高他们之间的民族主义和意识。

5. PASPAM sering menganjurkan persidangan di peringkat kebangsaan.

PASPA 常常举办全国大会。

6. Pada tahun 1934, PASPAM menganjurkan Persidangan Sahabat Pena di Taiping, Perak. Persidangan ini amat bermakna dalam gerakan kesedaran kebangsaan kerana berjaya menghimpunkan ahlinya dari seluruh Tanah Melayu. 于 1934 年, PASPAM 在霹靂州太平举办笔友大会。这个大会对唤醒民族意识运动非常有意义, 因为成功聚集来自整个马来亚的成员。
7. Melalui persidangan tersebut, semangat kenegerian dapat dipecahkan dan konsep kebangsaan Melayu dibentuk. 通过这个大会, 地方主义的精神能被解决并形成马来民族主义的观念。
8. Persidangan di peringkat kebangsaan kemudiannya diadakan di bandar utama seperti Pulau Pinang, Singapura, Ipoh, dan Seremban. 全国性的大会过后在主要城市, 比如檳城, 新加坡, 怡保和芙蓉举办。

8.6.3 Kesatuan Melayu Muda 年轻马来联盟

1. Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1938 di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaakob.

年轻马来联盟 (KMM) 于 1938 年在吉隆坡成立, 由 Ibrahim Haji Yaakob 带领。

2. KMM dianggap sebagai pertubuhan politik Melayu yang pertama di Tanah Melayu kerana berjuang membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

KMM 被认为是马来亚第一个马来人的政治党派因为争取马来亚从英国的殖民统治里解放。

3. Tujuan penubuhan KMM 成立年轻马来联盟的目的

(a) Menanamkan semangat perpaduan dan kesedaran dalam kalangan orang Melayu bagi mempertahankan hak dan kepentingan mereka.

灌输团结精神和唤醒马来人的意识以捍卫他们的权力和利益。

(b) Membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

从英国的殖民统治解放马来亚。

(c) Menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia dengan membentuk Melayu Raya.

结合马来亚和印尼以形成马来王国 (Melayu Raya) 。

5. Ciri-ciri KMM 年轻马来联盟的特点

(a) Anggotanya terdiri daripada golongan guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

它的成员是由 Idris 苏丹师训学院毕业的教师组成的。

(b) Perjuangan dianggap radikal kerana mengamalkan dasar tidak bekerjasama dengan British.

被认为是偏激的抗争, 因为采取不与英国政府合作的政策。

(c) Menyuarakan penentangan terhadap dasar penjajah British secara terbuka.

公开提出反抗英国殖民政策。

(d) Menggunakan akhbar Warta Malaya untuk memperjuangkan cita-cita mereka dan membangkitkan perasaan anti-British.

利用马来亚新闻报 (Warta Malaya) 以奋斗他们的理想和带动反英的情绪。

6. Antara pemimpin terkenal dalam KMM ialah:

年轻马来联盟著名的领袖是:

(a) Mustapha Hussain

(b) Ahmad Boestamam

7. Pada tahun 1941, Ibrahim Haji Yaakob dan kira-kira 150 orang anggota KMM ditangkap oleh British dan dipenjarakan di Singapura.

于 1941 年, Ibrahim Haji Yaakob 和大约 150 个 KMM 成员被英国抓了并监禁在新加坡。

8. Penangkapan tersebut dilakukan kerana pergerakan dan perjuangan KMM membimbangkan British.

这场捕抓是因为 **KMM** 的抗争和行动让英国感到担忧。

9. Pada zaman penjajahan Jepun, Ibrahim Haji Yaakob dan ahli-ahli KMM dibebaskan oleh tentera Jepun. Namun KMM diharamkan oleh Jepun pada tahun 1942.

在日本统治期间，**Ibrahim Haji Yaakob** 和 **KMM** 成员被日本军释放。然而，**KMM** 于 **1942** 年被日本禁止。

Mesej Focus 资讯焦点

Ibrahim Haji Yaakob dilahirkan di Temerloh, Pahang pada tahun 1911. Beliau mengasaskan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. Beliau pernah menjadi pengarang akhbar Majlis dan Warta Malaya. Beliau berpendapat bahawa persatuan negeri tidak menguntungkan orang Melayu. Oleh itu, beliau menubuhkan KMM untuk menyatupadukan orang Melayu dan memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajahan British.

Ibrahim Haji Yaakob 于 **1911** 年出生在彭亨州的 **Temerloh**。他于 **1938** 年创办年轻马来联盟 (**KMM**)。他曾担任理事会和马来亚新闻报的编辑。他认为州内的马来协会无法给马来人带来利益。因此，他成立 **KMM** 以团结马来人并从英国统治争取独立。

8.6.4 Pertubuhan Orang Cina dan India 华人和印度人的组织

1. Sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina dan India di Tanah Melayu lebih menumpukan perhatian kepada perkembangan di negara asal mereka.

第二次世界大战之前，在马来亚的华人和印度人比较注重自己祖国的动向。

2. Pada awal kurun ke-20, beberapa buah pertubuhan orang Cina di Tanah Melayu ditubuhkan seperti:

在 **20** 世纪初，华人在马来亚成立几个组织，比如：

(a) Hsing Chong Hui 兴中会

(b) Chung Ho Tang

3. Pertubuhan tersebut tertumpu kepada perkembangan di negara China.

这些组织注重中国的动向。

4. Terdapat golongan Cina Peranakan yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat dan menjadi warganegara British memberikan tumpuan kepada politik tempatan.

有一群在海峡殖民地出生并成为英国籍的土生华人注重本地的政治。

5. Pada tahun 1900, orang Cina Peranakan yang berpendidikan Inggeris menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British. Mereka ialah:

于 **1900** 年，受英文教育的土生华人成立英国土生华人协会。他们是：

(a) Tan Jiak Kim 陈若锦

(b) Lim Boon Keng 林文庆

(c) Song Ong Siang 宋旺相

(d) Seah Liang Seah 余连城

6. Ciri-ciri Persatuan Orang Cina Peranakan British 英籍土生华人协会的特点

(a) Melindungi kepentingan orang Cina Peranakan di Negeri-negeri Selat.

保护土生华人在海峡殖民地的利益。

(b) Menggalakkan orang Cina Peranakan memperoleh pendidikan tinggi dan teknikal.

鼓励土生华人得到高等和技术教育。

(c) Menunjukkan taat setia kepada kerajaan British.

对英国政府表现忠诚。

7. Salah seorang daripada golongan Cina Peranakan ialah Tan Cheng Lock yang memainkan peranan penting dalam politik Tanah Melayu.

其中一位土生华人是陈祯禄，他在马来亚的政坛是很重要的角色。

8. Orang India di Tanah Melayu juga terpengaruh dengan gerakan kebangsaan di negara asal mereka.

在马来亚的印度人也受祖国的民族主义运动影响。

9. Di Tanah Melayu, orang India menubuhkan persatuan bagi melindungi kepentingan mereka.

在马来亚，印度人成立协会以保护他们的利益。

10. Pada awal kurun ke-20, golongan cerdik pandai India yang berpendidikan Inggeris menubuhkan persatuan India di bandar utama seperti di Taiping, Kuala Lumpur, Klang, Melaka, Seremban, dan Pulau Pinang.

在 20 世纪初，受英文教育的印度人在主要城市，比如太平，吉隆坡，巴生，马六甲，芙蓉和檳城成立协会。

11. Penubuhan persatuan ini telah menjadi perintis kepada pembentukan pertubuhan politik yang menyatukan orang India di Tanah Melayu.

这些协会成为先锋以成立团结马来亚的印度人的政党。

12. Pada tahun 1936, Persatuan India Pusat Tanah Melayu ditubuhkan di bawah pimpinan A.M. Soosay.

于 1936 年，A.M. Soosay 率领成立马来亚中心印度协会。

13. Persatuan ini merupakan gabungan 12 buah persatuan India dan empat dewan perniagaan India.

这个协会是由 12 个印度协会和 4 个印度商会结合而成的。

14. Tujuan penubuhannya adalah untuk memperjuangkan hak dan kepentingan orang India di Tanah Melayu.

它成立的目的是争取印度人在马来亚的权力和利益。

Mesej Focus 资讯焦点

Tan Cheng Lock dilahirkan di Melaka. Beliau mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Tinggi Melaka dan di Raffles Institution, Singapura. Beliau dilantik menjadi Ahli Tidak Rasmi Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat pada tahun 1923 hingga tahun 1934.

陈祯禄在马六甲出世。他在马六甲高校和新加坡的莱佛士学院就读。他于 1923 年至 1934 年被委任海峡殖民立法委员会的非正式成员。